

## Karnival Pendidikan Sains Dan Teknologi 2012



JELEBU : Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan telah melaksanakan Karnival Pendidikan Sains dan Teknologi 2012 pada 4 dan 5 Julai lalu di Sekolah Menengah Vokasional Kuala Klawang telah dirasmikan oleh Adun Kuala Klawang Dato' Yunus Rahmad.

Karnival tersebut turut mendapatkan kerjasama Pusat Penyelidikan Latihan dan Penyelidikan Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga (CETREE) Universiti Sains Malaysia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan kepada pelajar mengenai bidang sains dan teknologi.

Beberapa acara dipertandingkan melibatkan pelajar-pelajar sekolah seperti Solar Car Competition melibatkan 27 pasukan manakala Efficiency Energy Cooking Competition (EECC) melibatkan 31 pasukan. Bagi Solar Boat Competition disertai oleh 23 pasukan serta 12 pasukan lagi bagi EUREKA Renewable Energy and Energy Efficiency Beach House Competition.

Pemenang bagi setiap acara yang dipertandingkan akan mewakili Negeri Sembilan ke peringkat Kebangsaan.

Bukan golongan pelajar dan guru-guru sahaja berpeluang untuk menyertai karnival ini, malah orang luar juga berkesempatan menyaksikan van teknologi hijau yang dihasilkan menggunakan minyak sayuran bagi menggantikan petrol oleh CETREE.

Keseluruhannya, dengan adanya karnival ini ia dapat memberi kesedaran kepada masyarakat supaya menggunakan tenaga dengan lebih efisien dalam kehidupan seharian sekaligus menjayakan kempen yang dijalankan.

{backbutton}

Terkini



Pautan

[Polisi Keselamatan & Penafian \(/index.php/ms/penafian\)](/index.php/ms/penafian)

[Peta Laman \(/index.php/ms/peta-laman\)](/index.php/ms/peta-laman)



---

CETREE&GT, Knowledge Transfer Center, TORAY-USM, Ground Floor (G),  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia

TEL :- [604 653 6720 \(tel:604%20653%206720\)](tel:6046536720) | FAX :- [604 653 6701 \(tel:604%20653%206701\)](tel:6046536701) | EMAIL  
:- [admin@cetree.edu.my \(mailto:admin@cetree.edu.my\)](mailto:admin@cetree.edu.my)